

# PERBARISAN SERAH MENYERAH PEGAWAI MEMERINTAH INSTITUT TEKNOLOGI AEROSPACE (ITAS)

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4072-perbarisan-serah-menyerah-pegawai-memerintah-institut-teknologi-aerospace-itas](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4072-perbarisan-serah-menyerah-pegawai-memerintah-institut-teknologi-aerospace-itas)

KEPALA BATAS, 1 Nov 18 - Perbarisan Serah Menyerah Pegawai Memerintah ITAS telah diadakan di Padang Kawad Kolej Tentera Udara. Perbarisan terdiri daripada 9 pegawai dan 350 anggota serta pelatih ITAS yang diketuai oleh Mej Mohd Izwan bin Ismail TUDM manakala Pegawai Waren Perbarisan adalah PW U II Shafizol Bin Sulaiman.

Penyerahan serah menyerah tugas Pegawai Memerintah ITAS di antara Kol Samir bin Abas TUDM kepada Kol Hishammudin bin Abdul Rahman TUDM telah disaksikan oleh Komandan Kolej Tentera Udara, Brig Jen Dato' Johnny Loh Kok Kong TUDM, pegawai-pegawai serta anggota lain-lain pangkat dan kakitangan URSB.

